

Rabu – 30 September 2020

Halaman : 09

Kosmo! RABU 30 SEPTEMBER 2020

M/S 9

Air Sungai Belatop semakin tercemar

Oleh AIMUNI TUAN LAH


GUA MUSANG – Kira-kira 2,000 penduduk Orang Asli yang tinggal di Tanah Tinggi Lojing di sini hilang sumber makanan dan pendapatan apabila air tawar di Sungai Belatop semakin berkurang.

Penghulu Orang Asli Kampung Brooke Lama, Rian Bujang berkata, air Sungai Belatop bukan sahaja keruh malah tercemar dipercayai kesan daripada aktiviti penerokaan tanah kebun di Tanah Tinggi Lojing.

Katanya, mereka percaya Sungai Belatop mengalami pencemaran yang serius berikutan penemuan banyak ikan mati selain sukar mendapat bekalan ikan sungai ketika ini.

“Sejak lebih 30 tahun lalu, sungai ini menjadi lubuk rezeki bagi penduduk untuk menangkap ikan seperti kelah, sebarau, lampam, baung, patin dan kaloi.

“Sebelum ini, penduduk telah membina rakit buluh untuk menangkap ikan sungai, namun kini aktiviti itu sudah tidak dilakukan,” katanya ketika ditemui



RIAN menunjukkan kualiti air Sungai Belatop di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang yang kotor sehingga menjadikan sumber makanan penduduk.

Kosmo! di sini semalam.

Rian berkata, penduduk juga sudah tidak menggunakan sungai berkenaan untuk keperluan harian termasuk mandi dan membasuh pakaian kerana kualiti air yang sangat kotor.

Katanya, ibu bapa etnik Orang Asli di kawasan itu juga sudah tidak membenarkan anak mereka mandi di Sungai Belatop kera-

na sebelum ini kulit mereka menjadi gatal dan kemerah-merahan.

Seorang penduduk Orang Asli, Abu Along, 50, berkata, sebelum ini, dia pernah memperoleh pendapatan hasil tangkapan ikan sungai sekitar RM100 sehari.

“Saya telah berhenti melakukan kerja itu apabila sering kali pulang ke rumah dengan pukat kosong,” katanya.